

14 November 2024

Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Pejabat Ketua Pengarah,
Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Melalui

YBrs. Dr. Halimahton Sa'diah Let
Pengarah,
Seksyen Pengurusan Moden dan Teknologi,
Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Tuan/Puan

**SURAT PERLETAKAN JAWATAN SEBAGAI PERSONEL MYSTEP DI PERBADANAN
PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya ingin memaklumkan secara rasmi bahawa saya akan meletakkan jawatan sebagai Personel MySTEP di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), berkuat kuasa pada 30 November 2024 (Sabtu).
3. Keputusan ini dibuat kerana saya telah ditawarkan jawatan Penolong Pengurus E9 (kontrak) oleh pihak MPC, berkuat kuasa pada 1 Disember 2024. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas kepercayaan dan peluang diberikan untuk berkembang secara profesional dan peribadi sepanjang saya berada di unit DMO.
4. Saya juga menghargai segala sokongan, bimbingan dan dorongan yang telah diberikan serta seluruh warga yang banyak membantu saya berkembang dalam peranan saya. Saya komited untuk memastikan peralihan tugas berjalan lancar dan akan menyelesaikan tanggungjawab serta tugas diberikan dengan sebaik mungkin.
5. Terima kasih sekali lagi atas peluang dan sokongan sepanjang tempoh saya di MPC.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



Muhammad Nurfadhil Adlan
Perbadanan Produktiviti Malaysia